

'5 MOMENTS' PENCUCIAN TANGAN

BILAKAH KAKITANGAN KESIHATAN PERLU MELAKUKAN PENCUCIAN TANGAN.

MOMENT 1

Sebelum menyentuh pesakit.

Contoh :

Berjabat tangan, membantu pesakit bergerak, pemeriksaan fizikal dan lain-lain.



MOMENT 2

Sebelum melakukan prosedur aseptik.

Contoh :

Melakukan sedutan sekripsi, pembersihan luka, memberi suntikan/ubat, mengambil darah dan lain-lain.



MOMENT 3

Selepas terdedah cecair badan yang berisiko.

Contoh :

Mengambil spesimen darah dan mengendalikan sisa klinikal.



MOMENT 4

Selepas menyentuh pesakit.

Contoh :

Berjabat tangan, membantu pesakit untuk bergerak dan pemeriksaan fizikal.



MOMENT 5

Selepas menyentuh persekitaran pesakit.

Contoh :

Penghadang katil, meja pesakit, langsir, loceng panggilan, tombol pintu dan lain-lain.



JIKA SAYA SUDAH MENCUCI TANGAN

Jangan takut untuk bersuara.

Tidak menjadi masalah untuk bertanyakan soalan berikut kepada kakitangan kesihatan dan pelawat.

- "Saya tidak nampak anda mencuci tangan ketika masuk ke dalam bilik saya. bolehkah anda mencuci tangan sebelum melakukan pemeriksaan ke atas saya?"
- "Saya bimbang dengan rebakan kuman di hospital ini. Bolehkah anda cuci tangan anda sekali lagi sebelum memulakan rawatan ke atas saya?"
- Suruh orang yang anda sayangi untuk mencuci tangan mereka.
- Tangan anda boleh menyebarkan kuman.
- Pastikan anda dan pelawat anda mencuci tangan.

BEKERJASAMA

Di PPUM, kami memandang serius tentang pencucian tangan. Kakitangan kesihatan perlu mencuci tangan mereka dengan mengikut 5 MOMENT. Bantu kami bersama-sama mencegah rebakan jangkitan bersilang, sepanjang anda berada di PPUM.

ANDA PERLU MENCUCI TANGAN

- Sebelum menyediakan makanan atau sebelum makan.
- Sebelum menyentuh mata, hidung dan mulut anda.
- Sebelum dan selepas mencuci luka atau menukar pembalut luka.
- Selepas menggunakan bilik air (termasuk selepas menukar lampin anak/dewasa).
- Selepas menyentuh persekitaran hospital seperti penghadang katil, meja cardiak, tombol pintu, alat kawalan jauh atau telefon.
- Selepas bersin dan batuk pada tangan anda.



ADAKAH TANGAN SAYA BERSIH

Semua pesakit mempunyai risiko untuk dijangkiti kuman semasa mendapatkan rawatan di hospital. Jangkitan ini disebarluaskan oleh kuman yang terdapat pada tangan kakitangan hospital dan pelawat. Kebersihan tangan yang baik adalah faktor yang paling penting dalam mengurangkan risiko jangkitan kuman di hospital.

FAKTA

- Jangkitan silang yang berlaku di hospital boleh mengancam nyawa dan sukar untuk dirawat.
- Ini boleh dielakkan jika kakitangan kesihatan dan pelawat membasuh tangan sebelum menyentuh anda atau persekitaran anda.
- Dengan menggunakan hand rub (alcohol base) atau sabun antiseptic dan air secara berkesan akan membunuh kebanyakan kuman di tangan anda.

APAI TU AMALAN KEBERSIHAN TANGAN YANG BAIK?

Kebersihan tangan yang baik bermaksud mencuci tangan dengan menggunakan sabun dan air atau *handrub*.